Gerakan sokong amaran PM, tentang golongan ekstremis

KUALA LUMPUR, Ahad - Gerakan tidak membantah pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) mulai tahun depan tetapi tidak pasti sama ada ia sesuai dilaksanakan untuk murid Tahun Satu.

Sambil meminta sedikit masa untuk mendapatkan pandangan pakar, ibu bapa dan guru sama ada ia sesuai dilaksanakan untuk murid Tahun Satu, parti komponen Barisan Nasional (BN) itu juga menyatakan sokongan kepada amaran Perdana Menteri terhadap golongan ekstremis yang membantah pelaksanaannya.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata amaran Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tepat pada masanya kerana sikap ekstremis bukan hanya membawa kepada perpecahan kaum malah menggugat keselamatan dan keamanan negara.

Beliau berkata, Gerakan menentang golongan yang meniadikan isu itu sebagai perkauman dan menganggap pelaksanaannya akan mengubah identiti sekolah Cina serta merendahkan kepentingan Bahasa Malaysia.

Katanya, parti itu juga menganggap mereka yang berpendirian hanya bahasa Cina layak digunakan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) sebagai bersikap cauvinis yang membawa kepada ekstremis.

"Kita menganggap mereka yang bercakap mengenainya (menjadikan isu itu sebagai perkauman) tidak tahu apa yang diperkatakan dan tidak memahami apa itu pendidikan.

"Masalah utama yang dihadapi sekarang ialah adakah kita patut memperkenalkan bahasa asing (Inggeris) yang bukan bahasa ibunda dan menggunakan bahasa itu untuk mengajar Sains dan Matematik untuk murid Tahun Satu.

"Sebab itu, kita perlukan lebih banyak pandangan daripada pelbagai pihak. Jika ia baik, ia patut dilaksanakan untuk semua sekolah dan sebaliknva." katanya kepada pembkrita selepas merasmikan Persidangan Perwakilan Gerakan Selangor di sini, hari ini.

Isu pengajaran mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris menjadi isu panas apabila tiga pertubuhan iaitu Per&u& Guru-guru Sekolah Cina (Jiao Zhong), Persekutuan Persatuan Lembaga Pengurus Sekolah Cina Malaysia (Dong Zhong) dan Dewan Perhimpunan Cina Selangor (DPCS) bertekad tidak mahu menerima cadangan pelaksanaan itu.

Penentannan itu dibuat atas alasan ia boleh menghakis budaya masyarakat Cina di samping menjejaskan prestasi akademik serta kecemerlangan pelajar dalam keduadua subjek berkenaan.

Isu itu turut mendapat perhatian Perdana Menteri yang memberi amaran kepada kumpulan Cina supaya tidak mengaitkan pelaksanaan mata pelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris mulai tahun depan kedudukan sekolah Cina.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mengingatkan kumpulan itu supaya tidak bermain api dengan membangkitkan isu perkauman.

Mengenai cadangan Presiden MCA supaya parti komponen BN yang mewakili kaum Cina mengadakan perbincangan mengenai isu itu, Dr Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama, berkata Gerakan bersedia pada bila-bila masa bagi memenuhi cadangan itu.

"Lagi cepat perjumpaan itu diadakan lagi bagus. Oleh kerana MCA yang mencadangkannya, saya rasa adalah lebih baik jika parti itu yang menentukannya (bila perjumpaan itu boleh diadakan).

"Jika tidak, Gerakan bersedia menawarkan diri untuk memulakan perbincangan itu," katanya.